

03/03/2005

Tati mantapkan program

Oleh Shaarani Ismail

MENJADI institusi khusus menjalankan latihan kemahiran tinggi bagi melahirkan ramai teknokrat Melayu, Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) mengorak langkah menambah program bagi menampung permintaan pasaran terhadap kerjaya yang memerlukan kemahiran khusus.

Ketika ini, Tati menawarkan empat program diploma kemahiran tinggi iaitu Diploma Kejuruteraan Pembuatan (Pembuatan Alatan dan Acuan), Diploma Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Alatan dan Acuan), Diploma Automasi Industri (Mekatronik) dan Diploma Automasi Industri dalam Teknologi Maklumat.

Tati turut menawarkan empat program Diploma Tinggi Kebangsaan (HND) iaitu kejuruteraan elektrik dan elektronik, kejuruteraan pembuatan, kejuruteraan perisian serta perniagaan dan kewangan.

Bagi menampung kemasukan pelajar lebih ramai, Tati bercadang menawar program baru yang lebih bersesuaian dengan permintaan industri tempatan.

Antaranya yang dirancang ialah program baru Diploma Teknologi Pembuatan (Permesinan), Diploma in ICT (Networking), Diploma in Polymer Technology (Plastic) dan Diploma in Industrial Automation (Electronics and Instrumentation).

Manakala program baru HND yang dicadangkan adalah HND in Automotive Engineering. Tati masih menunggu kelulusan Jabatan Pengajian Swasta (JPS) dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Selain itu, Tati menawarkan dua kursus asas iaitu kursus dalam kejuruteraan dan perniagaan.

Ketua Eksekutif Tati, Dr Mohd Rozailan Mamat, berkata Tati juga merancang pelbagai program baru bagi menampung keperluan semasa bidang pembuatan dan kejuruteraan.

"Tati sedang meningkatkan pelbagai usaha berkaitan termasuk menawarkan beberapa kursus baru yang sesuai dengan kehendak pasaran pekerja mahir dalam negara bagi menyediakan tenaga kerja berkemahiran tinggi," katanya.

Mohd Rozailan berkata, Tati sedang melengkapkan persediaan menaik taraf program yang ditawarkan menerusi kerjasama dengan beberapa institusi terutama dalam pengajian peringkat ijazah.

Tati adalah institusi pengajian tinggi milik penuh kerajaan negeri yang ditubuhkan pada 11 Jun 1993 dan dirasmikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 11 Oktober 1997.

Tati turut mempunyai mempunyai dua anak syarikat iaitu Ruane Tati dan Tati Production dalam memperkukuhkan peranannya sebagai institusi teknikal tinggi terbaik dalam negara.

Pada peringkat awal penubuhannya, Tati menjalankan kerjasama dengan Ingenieurschule St Gallen (ISG), Switzerland dalam bidang Diploma Kemahiran Tinggi.

Penubuhannya dirancang bagi meningkatkan jumlah tenaga teknokrat Melayu terutama dalam bidang berkaitan kemahiran tinggi bagi menampung keperluan tenaga mahir terutama di kalangan Bumiputera.

Tati juga diberi kelulusan menjalankan program Peningkatan Kemahiran Siswazah dalam beberapa bidang antaranya analisis air serta kumbahan serta teknologi CNC.

Sejak ditubuhkan Tati sudah mengeluarkan 790 graduan dalam pelbagai bidang kemahiran dan mensasarkan pengambilan seramai 500 pelajar bagi sesi 2005/2006.

Tati juga berusaha mengadakan kerjasama dengan Swiss German University

di Jakarta bagi menyediakan program diploma berkembar untuk membolehkan pelajar lepasan Tati diterima melanjutkan pengajian di beberapa negara Eropah yang diiktiraf.

Tahun ini, pengurusan Tati meluluskan peruntukan RM4 juta untuk mempertingkatkan kemudahan di bengkel membabitkan pembelian mesin berteknologi tinggi dan terkini yang akan memperkasa bidang kemahiran kendalian Tati.

Tati turut merancang pembangunan lima tahun (2005-2008), dengan perancangan pembangunan termasuk pembinaan bangunan baru akademik dan kolej kediaman pelajar.

Dengan sasaran menaik taraf daripada kolej teknikal kepada Kolej Universiti menjelang tahun 2008, Tati mengambil kira perancangan teliti bagi memastikan keperluan yang mencukupi.

Ini termasuk pembinaan bangunan pentadbiran dan blok pengajaran bagi Ruane-Tati yang bakal menjadikannya sebagai pusat latihan NDT bertaraf dunia.

Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan di Tati, pensyarah yang hanya memiliki ijazah akan dihantar melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan doktor falsafah.

Tati sentiasa berusaha menaikkan tahap dan kualiti pendidikan dan penganugerahan ISO 9001:2000 yang diterima membuktikan komitmen Tati terhadap sistem pengurusan yang berkualiti.

(END) Source : Berita Harian